

SOALAN NO. 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]

TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Mohd Idris Bin Jusi (Batu Pahat) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan masalah-masalah besar yang dihadapi oleh keluarga Islam, seperti kes perceraian yang tinggi, keganasan rumah tangga dan keterbiaran anak-anak dan apakah langkah-langkah mendepani masalah itu dan sejauh mana keberkesanan langkah-langkah tersebut.

115

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Antara Langkah-langkah menangani masalah kekeluargaan yang dihadapi oleh keluarga Islam dan keberkesanan.

(i) Program QuranHour dengan NGO .

LPPKN akan bekerjasama dengan Warisan Ummah Ikhlas Faoundation melaksanakan program QuranHour. Program ini dijangka dilaksanakan pada Mac 2018. Program ini bertujuan membentuk kesedaran ke aras perubahan kerangka fikir dalam menjadikan Al-Quran sebagai manual dalam kehidupan seharian melalui interaksi dengan Al-Quran.

(ii) Anugerah Keluarga Mithali - kerjasama dengan YADIM

Majlis Penganugerah Keluarga Mithali diadakan setiap dua tahun sekali bagi memberi pengiktirafan kepada keluarga yang berjaya dalam membentuk anak-anak cemerlang dan berkualiti. Anugerah Keluarga Mithali dipilih di kalangan keluarga-keluarga

yang berjaya membawa imej positif dan menjadi teladan kepada keluarga-keluarga yang lain serta keluarga ini banyak memberi bakti dalam masyarakat, agama dan negara.

Anugerah ini terbuka secara menyeluruh kepada semua keluarga Islam di Malaysia, tidak kira latar belakang etnik. Penyertaan anugerah ini adalah melalui borang pencalonan yang diedarkan melalui Jabatan-jabatan Kerajaan, badan-badan NGO wakil-wakil rakyat dan lain-lain dan pihak swasta.

(iii) Pelan Tindakan Keluarga Sakinah (JAKIM)

Ia merupakan satu pelan yang menjadi teras untuk membina dan memperkasa institusi kekeluargaan Islam. Ia dibangunkan oleh JAKIM dengan menggariskan 5 teras strategik menjadi fokus gerak kerja dalam tempoh 5 tahun. Ia akan menjadi rujukan dan panduan kepada semua pihak yang berkaitan bagi mencapai objektif membentuk keluarga dan generasi yang berkualiti dari aspek rohani dan jasmani.

Melihat kepada peningkatan kes keganasan rumah tangga pada masa kini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah membuat bacaan pertama Rang Undang-Undang

117

Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 di Dewan Rakyat pada 3 April 2017. Cadangan pindaan kepada Akta tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa yang juga melibatkan aspek pemulihan institusi kekeluargaan. Lima (5) perkara utama yang diberikan perhatian dalam cadangan pindaan Akta ini adalah seperti berikut:

(i)Memperluaskan tafsiran Keganasan Rumah Tangga dengan membolehkan mangsa mendapatkan perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO),

(ii) Perintah Perlindungan Kecemasan (*Emergency Protection Order*) iaitu perintah perlindungan sementara (*ex-parte*) yang boleh diperoleh dengan segera daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberikuasa sekiranya mangsa dalam keadaan ketakutan dcederakan secara fizikal atau mangsa dcederakan secara fizikal.

(iii) Pemberian hak penghunian eksklusif kediaman bersama kepada mangsa bagi memberi perlindungan terhadap keselamatan diri mangsa semasa dalam perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO);

(iv) memperkenalkan **Program Pemulihan** di bawah kelolaan KPWKM yang bertujuan untuk memberi kesedaran dan pendidikan seperti kekeluargaan, pengurusan kewangan dan pengurusan emosi kepada pelaku dan mangsa dalam tempoh perintah perlindungan bagi menangani punca permasalahan keganasan rumahtangga; dan

(v) Penambahbaikan perintah IPO dan PO dalam aspek **pemakluman status** kepada mangsa bertujuan untuk menjamin prosedur kerja yang lebih telus dan cekap disamping memberi perlindungan yang lebih baik kepada mangsa sama ada di bawah IPO atau PO.

Selepas pindaan kepada Akta tersebut dibuat, semua pegawai yang terlibat dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga telah diberi taklimat yang mana sebanyak 14 sesi taklimat telah diadakan di seluruh negara.

Sebagai kesinambungan kepada pindaan yang dibuat ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 pada tahun 2012, KPWKM dengan kerjasama sembilan (9) lagi agensi telah membangunkan Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga. Garis panduan tersebut telah menyatakan dengan jelas akan peranan dan tanggungjawab dalam pengurusan kes keganasan rumah tangga oleh

agensi yang terlibat antaranya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Mahkamah.

Selain Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, kanak-kanak yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga juga boleh dilindungi di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016). Kerajaan juga telah menggubal Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada sesi ini. Perlindungan yang boleh diberikan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016) adalah bagi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan contohnya di bawah seksyen 30 (dera dan abai), seksyen 40 (pelacuran dan hamil luar nikah) dan seksyen 46 (tidak terkawal). Manakala Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 pula memperuntukkan hukuman bagi individu yang melakukan mana-mana kesalahan berunsurkan seksual ke atas kanak-kanak termasuklah yang dilakukan oleh ahli keluarga sendiri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)

SOALAN : 54

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Mas Golden Lounge di Lapangan Terbang Antarabangsa Penang (PIA) akan dibuka semula sebenarnya. Menteri telah berjanji kepada Dewan Rakyat sebanyak dua kali pada tahun 2017 bahawa pembukaan semula akan disempurnakan dalam Penggal Pertama 2018 namun tiada sebarang kerja pemuliharaan dijalankan setakat ini. Apa tindakan Mavcom dalam hal ini.

121

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja penyelenggaraan dan proses menaiktaraf *Golden Lounge* Malaysia Airlines Berhad (MAB) di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) terpaksa ditangguhkan memandangkan MAB masih dalam proses penilaian dan pemilihan operator *lounge* tersebut.

Dalam hubungan ini, *Golden Lounge* MAB di LTAPP dijangka akan dibuka semula pada 30 Jun 2018. Sebagai langkah alternatif, MAB telah menyediakan kemudahan *lounge* di Plaza Premium untuk para penumpangnya.